

Soalan Lazim :

1. Adakah Peperiksaan Akhir akan dilaksanakan secara bersemuka?

Kaedah peperiksaan akhir digantikan dengan kaedah **Penilaian Berterusan (Continuous Assessment)** secara dalam talian (*online*). Pihak Pusat Pengajian Diploma akan menghubungi para pelajar untuk keterangan lanjut.

2. Bagaimanakah Penilaian Berterusan secara dalam talian diselaraskan?

Jadual Waktu Penilaian Berterusan akan dikeluarkan bagi mengelakkan pertindihan waktu pertemuan dengan pelajar. Sesi Penilaian Berterusan akan bermula pada **27 April 2020 hingga 17 Mei 2020 (3 minggu)**.

3. Bagaimana jika saya kurang/tiada capaian internet untuk mengikuti Penilaian Berterusan secara dalam talian ?

Tenaga pengajar akan mempelbagaikan alternatif penyampaian bagi memastikan semua pelajar mendapat akses kepada bahan penilaian yang disampaikan.

Walau bagaimanapun, bagi para pelajar yang kurang/tiada capaian internet dan tiada alternatif lain untuk mengikuti PdP secara *online* sila berhubung dengan Pusat Pengajian Diploma dengan kadar segera.

4. Adakah Semester Tambahan masih dilaksanakan?

Ya, semester tambahan dilaksanakan seperti biasa. Tutorial akan dilaksanakan secara dalam talian bermula 6 April 2020 kepada pelajar yang berdaftar.

Kaedah peperiksaan akhir digantikan dengan kaedah Penilaian Berterusan (*Continuous Assessment*) secara dalam talian (*online*). Sesi Penilaian Berterusan akan bermula pada **18 Mei 2020 hingga 22 Mei 2020 (5 hari)**.